

## → PENDIDIKAN

# UMP buktikan mampu jana dana sendiri

BERITA HARIAN 4/9/2016 (PENDIDIKAN) m/s 34

[FOTO ROSDAN WAHID/BH]

→ MyGift inisiatif kewangan elak bergantung peruntukan kerajaan

Oleh Rafidah Mat Ruzki  
fidahruzki@bh.com.my

Shah Alam

Inisiatif MyGift yang dijalankan Universiti Malaysia Pahang (UMP) ketika ini menjadi agenda bagi membudayakan pihak lain selain kerajaan, dalam membangunkan universiti dan komuniti.

Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim, berkata jika selama ini universiti awam (UA) bergantung kepada dana yang diperuntukkan kerajaan saban tahun, inisiatif berkenaan menjadi satu cara mencari dana tambahan.

### Pemikiran perlu diubah

Katanya, ia berikutan, mana-mana universiti yang mahukan kelainan dan mendalami bidangnya sudah tentu memerlukan dana yang banyak untuk tujuan itu.

"Pemikiran bahawa UA adalah tanggungjawab kerajaan perlu diubah kerana ia bukan hanya mengeluarkan graduan untuk masa de-



Kita sentiasa berdepan dengan pelajar berprestasi tinggi tetapi kurang kemampuan"

Dr Daing Nasir Ibrahim,  
Naib Canselor UMP



Pengerusi Lembaga Pengarah UMP, Datuk Seri Mohd Hilmey Mohd Taib (dua dari kiri) beramah mesra bersama peserta sambil diperhatikan Daing Nasir (kiri) pada majlis penyampaian hadiah Kejohanan Golf Amal MyGift UMP di Shah Alam, semalam.

Fakta  
nombor

RM40 JUTA

sasaran kutipan  
MyGift pada 2020

pan, tetapi negara juga banyak bergantung kepada kualiti insan yang kita keluarkan. Sudah tiba masa UA tidak lagi bergantung hanya kepada kerajaan.

"MyGift mempunyai beberapa aspek termasuk memastikan kelestarian kewangan universiti supaya kita boleh menjana kewangan tambahan, selain daripada apa yang diberikan kerajaan," katanya.

Beliau berkata demikian pada Kejohanan Golf Amal UMP di Glenmarie Golf and Country Club di sini, semalam.

Daing Nasir berkata, kejohanan semalam dan satu lagi pada 17 September nanti di Mahkota Golf and Country Club Kuantan menasaskan kutipan RM400,000 untuk tabung MyGift bagi membiayai biasiswa pelajar miskin di universiti itu.

### Tarik pelajar pintar

Selain kejohanan golf, katanya, beberapa program lain juga sudah disusun termasuk acara Makan Malam Amal pada Majlis Pelancaran MyGift UMP dan pengurniaan biasiswa UMP pada 1 Oktober ini.

Beliau berkata, MyGift menasaskan kutipan sebanyak RM40 juta menjelang 2020, dengan sasaran sehingga akhir tahun ini sekurang-kurangnya RM8 juta.

"Pada kemasukan pelajar baharu, baru-baru ini, 10 pelajar kurang berkemampuan dikenal pasti menerima biasiswa menerusi MyGift.

"Kita sentiasa berdepan dengan pelajar berprestasi tinggi tetapi kurang berkemampuan. Dengan cara ini kita berpeluang menarik pelajar pintar untuk datang belajar di universiti ini," katanya.